



## جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغْمَامِ اِسْلَامِ نَكْرِي كَدَاخِ دَارِ اَلْاَمَانِ

### JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

#### IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di **Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman** seperti berikut :-

BIL	JAWATAN	GREED	KOSONG	TARAF JAWATAN	DAERAH
1	Pembantu Hal Ehwal Islam / Guru TADIKA ISLAM	S19	2	Sementara	Langkawi
2	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam / Pembantu TADIKA ISLAM	S11	1	Sementara	Kulim

#### CARA MEMOHON/SYARAT LANTIKAN

##### 1. Pembantu Hal Ehwal Islam / Guru TADIKA ISLAM

- a) Gred Jawatan : S19
  - b) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial
  - c) Taraf Jawatan : Sementara
  - d) Bilangan Kekosongan : 2 kekosongan
- Jadual Gaji : Jadual Gaji Minimum – Maksimum
- Gred S19 : Minimum 1,352.00 – Maksimum 4,003.00

##### Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

- d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah.
- e) Keutamaan :
  - i) Lulus dalam subjek Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi); atau
  - ii) Memiliki Sijil Shahadah IV Thanawi atau Sijil Tinggi Agama Malaysia; atau
  - iii) Memiliki lima (5) tahun pengalaman sebagai Pembantu TADIKA ISLAM JHEAIK.

## 2. Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam / Pembantu TADIKA ISLAM

- a) Gred Jawatan : S11
- b) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial dan Sokongan
- c) Taraf Jawatan : Sementara
- d) Bilangan Kekosongan : 1 kekosongan
- Jadual Gaji : Jadual Gaji Minimum – Maksimum
- Gred S11 : Minimum 1,200.00 – Maksimum 2,983.00

### Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Mempunyai Sijil Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran serta lulus mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Pendidikan Islam serta Bahasa Arab; atau
- d) Mempunyai Sijil Menengah Rendah Agama atau setaraf dengannya.

### Cara memohon :

- 1) Pemohon boleh mengisi dan menghantar Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di laman web rasmi JHEAIK : [jheaik.kedah.gov.my](http://jheaik.kedah.gov.my)

Tarikh tutup iklan : **17 Mac 2023**

- 2) Seterusnya, pemohon hendaklah menyediakan dokumen-dokumen yang disenaraikan dan disusun seperti berikut :-

- a. Gambar bersaiz pasport;
- b. Salinan Kad Pengenalan dan sijil lahir;
- c. Salinan Sijil Diploma / Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak;
- d. Salinan Sijil Shahadah IV Thanawi / STAM;
- e. Salinan Sijil SRP / PMR, SPM atau setaraf;
- f. Surat pengesahan tempoh pekerjaan dari majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja;
- g. lain-lain sijil.

Dokumen-dokumen yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada alamat di bawah sebelum **20 Mac 2023** :-

**KETUA PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN,  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH,  
BANGUNAN WAN MAT SAMAN,  
JALAN RAJA, 05676 ALOR SETAR,  
KEDAH DARUL AMAN.  
(U.P : SEKSYEN TADIKA ISLAM)**

SILA NYATAKAN NAMA JAWATAN YANG DIPOHON DI SEBELAH KANAN SAMPUL SURAT


3) Nota :

- i. Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas di senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga dan mereka yang berjaya sahaja akan dihubungi melalui e-mel.
- ii. Setiap pemohon hanya dibenarkan menghantar satu (1) permohonan sahaja seorang.
- iii. Permohonan yang tidak lengkap dan lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- iv. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan dianggap tidak berjaya.
- v. Segala keputusan dalam urusan ini adalah muktamad.

Sekian, terima kasih,

**“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”  
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah



**DATO' HAJI ABDUL GHANI @ ZULKIFLI BIN ZAINUDDIN, DIMP., DSM., AMK., BCK., ASK.**  
Pengarah  
Jabatan Hal Ehwat Agama Islam  
Negeri Kedah Darul Aman.